

06 NOV 2003

Parlimen-Menteri

JEMAAH MENTERI TIDAK PERLU DILANTIK SEMULA: ZAHIR

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail hari ini berkata tidak perlu diadakan pelantikan semula Jemaah Menteri selepas pelantikan Perdana Menteri yang baru.

Pelantikan Jemaah Menteri yang dilantik terdahulu adalah sah daripada segi Perlembagaan, katanya di persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Semalam, Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) meminta Mohamed Zahir memberi petua mengenai kedudukan sama ada Jemaah Menteri perlu dilantik semula setelah Perdana Menteri baru dilantik.

Mahfuz ingin mengetahui sama ada Perdana Menteri baru itu dikehendaki menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya melantik semula Jemaah Menteri yang memegang jawatan mengikut Artikel 43(2)(A) yang berbunyi:

"Atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik menteri-menteri lain dari antara anggota-anggota mana-mana Majlis Parlimen"

Mohamed Zahir berkata Jemaah Menteri, termasuk Perdana Menteri telah dilantik pada 14 Dis 1999 iaitu selepas pilihan raya yang diadakan pada 29 Nov 1999.

Katanya, mengikut Artikel 43(2)(A), Perdana Menteri adalah seorang Jemaah Menteri dan secara lazimnya, jika mana-mana Jemaah Menteri berhenti atau diberhentikan oleh Perdana Menteri, maka seorang anggota lain dilantik menggantikannya.

Katanya, kaedah itu digunakan semasa pelantikan Perdana Menteri yang baru, juga seorang anggota Jemaah Menteri, pada 31 Okt lepas apabila Perdana Menteri yang terdahulu bersara.

"Ini berturut bahawa Jemaah Menteri lain tidak perlu dilantik semula kerana kerajaan sekarang adalah kerajaan yang dilantik pada 14 Dis 1999, melainkan Perdana Menterinya sahaja ditukar seperti pertukaran lain-lain menteri," katanya.

Beliau berkata kaedah sama juga dijalankan semasa pelantikan Perdana Menteri ke-4 Tun Dr Mahathir Mohamad setelah Perdana Menteri ke-3 Tun Hussein Onn bersara pada 16 Julai 1981 dan semasa peralihan daripada Tun Abdul Razak kepada Tun Hussein Onn.

-- BERNAMA

MUN MUN MOZ